

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

### Belanjawan perlu fokus isu kos sara hidup

# Belanjawan perlu fokus isu kos sara hidup

**Shafezah Abdul Wahab,**  
Pensyarah  
Kanan Komunikasi  
dan Pengajian  
Media, UiTM  
Melaka

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, peningkatan inflasi bagi keseluruhan 2022 didorong oleh makanan dan minuman bukan alkohol (5.8 peratus), restoran dan hotel (5.0) serta pengangkutan (4.7).

Terdahulu, konflik antara Russia dan Ukraine serta kenaikan harga komoditi global menjadi penyumbang awal kepada kenaikan inflasi.

Susulan itu tidak dinafikan rakyat berada dalam keadaan resah dan gelisah. Poket mereka mengalami 'kegawatan' kerana kenaikan harga barang secara mendadak sedangkan kenaikan gaji tidak bergerak.

Paling terkesan adalah rakyat golongan B40, terutama di bandar kerana ada yang berdepan situasi kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kenaikan harga barang tidak seimbang dengan peroleh gaji yang kecil menyebabkan ramai daripada B40 hanya mampu kais pagi, tetapi tidak mampu makan petang.

#### **Fokus isu ekonomi, kelangsungan hidup**

Isu ekonomi paling penting kepada rakyat pada masa sekarang adalah berkaitan harga barang dan gaji. Gaji kecil diterima majoriti pekerja Malaysia dan kos sara hidup tinggi menyukarkan orang ramai meneruskan kelangsungan hidup apatah lagi untuk menabung.

Rakyat sukar menyimpan wang secara konsisten berikutan gaji tidak mencukupi akibat kos sara hidup tinggi dan terus meningkat. Keadaan kewangan pengguna menjadi bertambah buruk apa-

bila tahap literasi kewangan pula rendah.

Dalam keadaan gaji rendah, literasi kewangan penting bagi membantu pengguna berbelanja secara tepat dan berhemat, sekali gus dapat menggunakan sepenuhnya pendapatan yang ada untuk memenuhi keperluan hidup.

Harga barang keperluan harian seperti telur, sardin, ikan, ayam, daging, sayur-sayuran, minyak masak dan gandum melambung bagaimanapun tiada pihak mampu mengawalnya menyebabkan bukan sahaja golongan B40 merana, tetapi golongan M40 juga terkesan.

Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu konsisten memantau dan mengawal kenaikan harga barang dengan lebih agresif, termasuk mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang menaikkan harga barang.

Bagaimanapun, kebijakan peniaga harus dibela juga bagi memastikan perniagaan mampu terus berdaya tahan seperti mengenakan syarat tertentu, termasuk menetapkan harga siling bagi harga barang keperluan dan mengawal mereka mencatut harga barang.

Pada masa sama, kerajaan juga jangan hanya menumpukan usaha untuk menurunkan harga barang semata-mata, sebaliknya inisiatif untuk meningkatkan pendapatan rakyat setara dengan kenaikan kos sara hidup juga perlu dilakukan.

Justeru, kerajaan perlu memberi fokus serius isu kenaikan kos sara hidup ini pada Belanjawan 2023 akan dibentangkan nanti demi mengurangkan beban rakyat.